

BERITA HARIAN

DATE: 24/04/2008

PM minta senarai projek RMK-9 ikut keutamaan

Oleh Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri meminta Kementerian Kerja Raya menyenarai semula projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) mengikut keutamaan dan keperluan, sejajar peralihan tumpuan kerajaan kepada pengeluaran hasil pertanian bagi memenuhi keperluan negara.

Arahan itu dibuat serentak dengan keluarnya penggal RMK-9 yang kini dilaksanakan. Kementerian juga perlu menanggapi peningkatan harga bahan-binaan sehingga menyebabkan keseluruhan kos projek turut meningkat.

Menteri Kerjaraya, Datuk Mohd Zin Mohamed, berkata Kabinet semalam memutuskan supaya kajian separuh penggal RMK-9 yang dilaksanakan Kementerian, membitkan proses penyenaraian keutamaan bagi

projek prasarana dan infrastruktur yang memanfaatkan rakyat serta ekonomi.

"Kementerian diminta menyediakan laporan mengenai projek yang surat hasratnya (LOI), sudah diluluskan atau dalam perancangan dan menilai sama ada wajar diteruskan. Kita diminta mencadangkan sama ada perlu batal, tangguh atau kurangkan kos serta skop kerja.

"Saya belum dapat memberi anggaran tetapi pada dasarnya, pembinaan jalan dan projek yang boleh menambah kesejahteraan hidup rakyat tetap akan diteruskan atau mungkin ada yang sudah dikeluarkan LOI akan dibatalkan jika dirasakan tidak perlu.

"Kementerian diminta mengemukakan laporan lengkap mengenai perkara itu kepada jemaah menteri dalam tempoh dua minggu lagi," katanya pada sidang media selepas mesyuarat pasca Kabinet di kementeriannya, di sini, semalam.

BH - 24/4/2008.
Semalam, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dilaporkan berkata, kerajaan akan mengkaji semula pelbagai projek bernilai berbilion-bilion ringgit yang sudah dirancang dalam RMK-9 berikutan masalah peningkatan kos.

Perdana Menteri berkata, langkah itu dibuat bagi memastikan hanya projek yang memberi manfaat besar secara langsung kepada rakyat saja diteruskan manakala yang lain mungkin dibatal, ditangguh atau dikurangkan skopnya.

Mohd Zin berkata, keputusan itu tidak bermakna tiada projek baru diluluskan, umpamanya di Sarawak yang bakal menjadi perlu membina rangkaian jalan untuk mengangkut hasil padi.

Bagaimanapun, projek seperti pembinaan lebuhraya pesisir pantai dan lebuhraya baru lain yang dirancang sebelum ini mung-

kin tidak diteruskan, sebaliknya diganti dengan kerja menaik taraf atau baik pulih laluan sedia ada.

Beliau menjelaskan, Unit Perancang Lebuhraya diminta melakukan audit jalan sedia ada dan mencadangkan kaedah mengurangkan kos projek yang ditetapkan, umpamanya mencari alternatif kepada pelebaran jalan dengan merangka kaedah penyuraian trafik lebih berkesan.

"Umpamanya di Melaka baru-baru ini, Menteri meminta peruntukan RM3 bilion bagi menaik taraf jalan untuk mengatasi kesesakan di negeri yang menjadi destinasi pelancong utama itu, tetapi kita cadangkan pembinaan jalan lingkaran luar.

"Namun, ada projek tidak boleh elakkan seperti membaik pulih laluan berisiko tinggi di jalan Persekutuan dan bagi tujuan ini, saya sudah memohon peruntukan tambahan dari Kementerian Kewangan," katanya.